

TADONG, TAHUN DATO' SERI PADUKA SULTAN ADUL ZAHID BIN ZAIN
Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



مجلس اسلام ملايو
 مجلس اسلام ملايو بريران

Edisi 3 | 2024 | Bilangan 49 | Edaran Percuma

WADAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



PENYERAHAN ZAKAT PERNIAAGAAN

KEPADА DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI SULTAN PERAK
DARUL RIDZUAN SULTAN NAZRIN
MUIZZUDDIN SHAH

YANG DIPERTUA MAIPk
MERASMIKAN PROGRAM KHATAN
PEDALAMAN ANAK-ANAK ASNAF
FAKIR, MISKIN DAN ANAK YATIM



MAJLIS PELUNCURAN
BUKU LAPORAN EKSEKUTIF IMPAK
KELESTARIAN SOSIAL 2023

Sidang Redaksi

PENASIHAT

Syamsul Hazeman bin Md Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif

KETUA EDITOR

Munawir bin Mohamed Noh
Pengurus Besar Bahagian Perhubungan
Korporat

EDITOR

Naquib Muhammad Naquib
bin Mohamad Tarmizi,
Pengurus Unit Perhubungan Korporat

Norhidayu binti Sakdon
Penolong Pengurus Unit Perhubungan
Korporat

Mohd Yakop bin Ikram
Penolong Pengurus Unit Perhubungan
Korporat

JURUFOTO

Hamizul bin Othman
Pembantu Tadbir Unit Perhubungan
Korporat

Nurul Farzana binti Ahmad Shah
Pembantu Tadbir Unit Perhubungan
Korporat

Amirulkhalid bin Ahmad
Pembantu Tadbir Unit Sekretariat

EDARAN

Unit Perhubungan Korporat

Edisi 3 | 2024 | Bil. 49

Wadah

DITERBITKAN OLEH:

Unit Perhubungan Korporat
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak,
Tingkat 6, Kompleks Islam Darul Ridzuan.
30000 Ipoh, Perak.
Tel: 05-2084000 Faks: 05-2414257

Laman web: www.maipk.gov.my
<https://wakafperak.gov.my/>

Emel: korporat@maipk.gov.my

Facebook: Majlis Agama Islam dan 'Adat
Melayu Perak

Instagram : ZakatPerak_Official

Tiktok : MajlisAgamaIslamPerak

Isi Kandungan

Penyerahan Zakat Perniagaan **3 - 4**

Majlis Peluncuran Buku Laporan
Eksekutif Impak Kelestarian Sosial
2023

Yang Dipertua MAIPk
Merasmikan Program Khatan
Pedalaman Anak-Anak Asnaf
Fakir, Miskin dan Anak Yatim

Lawatan Ketua Pegawai
Eksekutif di Mesir dan Jordan **7 - 8**

Semasa **9 - 18**

Program dan Aktiviti MAIPk **19 - 24**

Kunjungan Hormat **25 - 27**

**PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN
BERJUMLAH RM26.7 JUTA KEPADA
DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK
DARUL RIDZUAN SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH**

16 NOVEMBER 2024 | ISTANA ISKANDARIAH, KUALA KANGSAR



Lembaga Air Perak diwakili oleh Pengurus Besar,
Ir. Lokman bin Abd Rahim.



Lumut Maritime Terminal Sdn Bhd diwakili
oleh Ketua Pegawai Eksekutif,
YBhg. Dato' Haji Mubarak Ali Gulam Rasul.

BIL	AGENSI	JUMLAH (RM)
1	Lembaga Air Perak	RM4,700,000.00
2	Lumut Maritime Terminal Sdn Bhd	RM1,788,960.00
3	Ipoh Specialist Hospital Sdn Bhd	RM1,057,200.83
4	Felcra Berhad	RM1,035,816.70

BIL	AGENSI	JUMLAH (RM)
5	Menteri Besar Incorporated (Perak)	RM650,000.00
6	Koperasi Warisan Pegawai Hutan Melayu Negeri Perak Berhad	RM423,276.89
7	Koperasi Kemajuan Tanah Perak Berhad	RM128,523.20

19 NOVEMBER 2024

ISTANA PERAK, CHANGKAT PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR



Tenaga Nasional Berhad diwakili oleh Managing Director, TNB Power Generation Sdn Bhd,
YBhg. Lt. Kol. Dato' Ir. Muhamad Nazri bin Pazil.



Plus Malaysia Berhad diwakili oleh Pengarah Urusan,
YBhg. Datuk Nik Airina binti Nik.

BIL	AGENSI	JUMLAH (RM)
1	Tenaga Nasional Berhad	RM6,326,000.00
2	Plus Malaysia Berhad	RM2,000,000.00
3	Etiqa General Takaful Berhad & Etiqa Family Takaful Berhad	RM1,400,000.00
4	Bank Rakyat	RM1,023,752.00
5	Maybank Islamic Berhad	RM857,129.95

BIL	AGENSI	JUMLAH (RM)
6	Kumpulan Bank Pembangunan Malaysia Berhad	RM580,310.00
7	Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad dan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad	RM500,000.00
8	Bank Muamalat Malaysia Berhad	RM479,802.13
9	Bank Islam Malaysia Berhad	RM416,000.00
10	Takaful Ikhlas General Berhad	RM122,985.40

24 DISEMBER 2024

ISTANA PERAK, CHANGKAT PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR



Perbadanan Ekonomi Islam Perak Sdn Bhd diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Amirul Hakim bin Abdullah.



Koperasi Perladangan Kawasan Bagan Datoh Perak Berhad diwakili oleh Pengurus, Haji Salleh Hudin bin Kamarudin.

BIL	AGENSI	JUMLAH (RM)
1	Perbadanan Ekonomi Islam Perak Sdn Bhd	RM1,099,504.99
2	Koperasi Perladangan Kawasan Bagan Datoh Perak Berhad	RM582,424.23
3	UAC Berhad	RM576,015.33
4	Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad	RM355,528.73

BIL	AGENSI	JUMLAH (RM)
5	Metropolitan Utilities Corporation Sdn Bhd	RM215,840.00
6	Pertubuhan Peladang Kawasan Seberang Perak	RM186,942.05
7	Sri Manjung Specialist Centre Sdn Bhd	RM124,000.00
8	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	RM100,000.00

MAJLIS PELUNCURAN BUKU LAPORAN EKSEKUTIF IMPAK KELESTRAIAN SOSIAL 2023



IPOH, 20 Disember 2024 - MAIPk menerbitkan buku Laporan Eksekutif Impak Kelestarian Sosial bagi menilai impak sosial yang diterima oleh para asnaf di bawah program bantuan zakat yang dijalankan MAIPk pada tahun 2023. Majlis peluncuran buku ini disempurnakan oleh Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, diiringi Yang Dipertua MAIPk, Tan Sri Dato'Seri Mohd Annuar bin Zaini, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan, YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Syamsul Hazeman bin Md Salleh sempena persidangan MAIPk kali ke-230.

Laporan ini memfokuskan 3 perkara iaitu mengenal pasti jenis program dan skim agihan zakat yang diterima oleh asnaf berdasarkan pengukuran Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), menganalisa impak kelestarian sosial mustahik (penerima zakat) melalui MAIPk dengan padanan SDG dan Maqasid Al-Syariah dan merumuskan impak dan kelangsungan mencapai kemaslahatan penerima zakat dari sudut kesejahteraan hidup meliputi makanan, perlindungan, pendidikan, kesihatan serta ibadah.

Hal ini sebagai langkah penting ke arah menggalakkan tatakelola yang baik dalam pengurusan agihan zakat. MAIPk akan terus komited dengan peningkatan prestasi kutipan dan agihan zakat dalam negeri Perak serta memastikan penyesuaian perubahan dinamik agar dapat terus relevan sebagai institusi pembangunan sosioekonomi ummah sepanjang zaman. MAIPk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Etiqa General Takaful Berhad atas sumbangan dana bagi tujuan penyediaan kajian laporan ini kepada Centre of Excellence in Islamic Social Finance, INCEIF University sebagai penyelidik. Buku laporan ini boleh dimuat turun di pautan portal MAIPk <https://www.maipk.gov.my>.

PERSIDANGAN MAIPK KALI KE-230

IPOH, 20 Disember 2024 - Persidangan MAIPk kali ke-230 bil. 4/2024 telah diadakan di Kompleks Islam Darul Ridzuan dipengerusikan oleh Yang Dipertua MAIPk, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini. Turut hadir, Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad selaku Pengurus Jawatankuasa Agama Islam Negeri Perak, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Mohd Zaki bin Mahyudin dan YBhg. Muffi Negeri Perak, SS Dato' Seri Haji Wan Zahidi bin Wan Teh serta barisan anggota MAJLIS.



YANG DIPERTUA MAIPK MERASMIKAN PROGRAM KHATAN PEDALAMAN ANAK-ANAK ASNAF FAKIR, MISKIN DAN ANAK YATIM



IPOH, 21 Disember 2024 - Yang Dipertua MAIPK, Tan Sri Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini merasmikan Program Khatan Pedalaman untuk anak-anak asraf fakir, miskin dan anak yatim anjuran Pertubuhan Wanita Prihatin Perak di Kampung Chadak, Ulu Kinta.

Program ini melibatkan 52 kanak-kanak terdiri daripada Orang Asli, anak yatim dan golongan asraf berusia antara 6 hingga 14 tahun. Majlis turut dihadiri, Pengarah Pendidikan Negeri Perak, Safuan bin Hj. Raba'ai.



LAWATAN KERJA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPk DI MESIR DAN JORDAN



EMBASSY OF MALAYSIA
CAIRO, EGYPT



KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI MAIPk KE ATAS TYT AMBASSADOR DATO' MOHD TARID SUFIAN



2 Oktober, 2024 - MAIPk mengadakan kunjungan hormat ke atas Duta Besar Malaysia ke Republik Arab Mesir bertempat di Canseri, Kedutaan Besar Malaysia Kaherah. Kehadiran delegasi MAIPk yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Syamsul Hazeman bin Md Salleh telah disambut baik oleh Duta Besar Malaysia ke Republik Arab Mesir yang baharu dilantik, TYT Ambassador Dato' Mohd Tarid bin Sufian.



PERTEMUAN KHAS BERSAMA IMAM BESAR SHEIKH AL-AZHAR

2 Oktober, 2024 - Ketua Pegawai Eksekutif Syamsul Hazeman bin Md Salleh diberi kesempatan untuk berjumpa dengan Ketua Institusi Al-Azhar (Sheikh Al-Azhar), Al-Imam Al-Akbar Sheikh Prof Ahmed Mohammed Al-Tayyib ketika lawatan rasmi MAIPk ke Mesir.

Pertemuan ini dimulakan dengan kunjungan hormat kepada Ketua Pegawai Eksekutif Baituz Zakah Wa Sadaqah Mesir, Prof. Dr. Sahar Nasr. Sesi perjumpaan yang berlangsung diisi dengan pelbagai perkongsian gerak kerja dan perancangan pengurusan zakat dan wakaf di antara kedua-dua pihak.



SANTUNI ANAK-ANAK PERAK DI MESIR



2 Oktober 2024 - Delegasi MAIPk berkesempatan menyantuni anak-anak Perak sempena lawatan kerja Ketua Pegawai Eksekutif, Syamsul Hazeman bin Md Salleh di Mesir. Lawatan seumpama ini kali terakhir diadakan adalah pada tahun 2017. Beberapa aktiviti dilaksanakan seperti kunjungan ke pasar bagi meninjau harga barang keperluan harian, menyempurnakan penyembelihan kambing bersama anak-anak Perak serta melawat Wisma Perak di Hayyu Sabiek.

Ketua Pegawai Eksekutif bersama delegasi MAIPk turut menghadiri Majlis Ramah Mesra bersama anak-anak Perak dan menyampaikan wang saku USD100 kepada pelajar-pelajar yang hadir. Beliau turut mengumumkan sumbangan tambahan kepada Keluarga Pelajar-Pelajar Islam Perak Mesir (KPIPM) sebanyak RM10,000 bagi tujuan aktiviti anak-anak Perak untuk tahun 2024.

Dalam sesi lawatan ini, MAIPk berkesempatan melihat situasi anak-anak Perak di Mesir dari sudut tajaan zakat, kos sara hidup, bangunan penginapan pelajar di Wisma Perak Baitul Ridzuan, Wisma Perak Baitul Rahman termasuk pengurusan Pejabat Atase Pendidikan Negeri Perak di Mesir.

SESI KHAS BERSAMA BADAN KEBAJIKAN ANAK-ANAK PERAK, JORDAN (BKAPJ)



5 Oktober, 2024 - Delegasi MAIPk berkesempatan menghadiri majlis rahmah mesra bersama anak-anak Perak serta pelajar-pelajar tajaan zakat MAIPk. Majlis dimulakan dengan ucapan Ketua Pegawai Eksekutif, sesi soal jawab dan makan malam serta penyampaian wang saku USD100 kepada pelajar-pelajar yang hadir.

Ketua Pegawai Eksekutif turut mengumumkan tambahan sumbangan kepada BKAPJ sebanyak RM10,000 bagi tujuan aktiviti anak-anak Perak untuk tahun 2024. Berdasarkan rekod terkini, jumlah anak-anak Perak yang melanjutkan pengajian di Jordan adalah seramai 207 orang. Tahniah dan syabas buat BKAPJ atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan lawatan ke Jordan.

12 PELATIH TAJAAN MAIPk TAMAT KURSUS MOBILE CRANE



SINTOK, 14 Disember 2024 - Seramai 12 pelatih Kursus Mobile Crane tajaan MAIPk telah berjaya menamatkan latihan di Akademi Binaan Malaysia Wilayah Utara (ABMWU) selama tiga bulan dengan kos keseluruhan berjumlah RM209,400.00.

Delegasi MAIPk diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Syamsul Hazeman bin Md. Salleh bersama Ketua Pegawai Eksekutif ABMWU, Mohd Nazri bin Haji Zakaria dan barisan pegawai pengurusan MAIPk hadir menyampaikan sijil tamat latihan kepada semua pelatih.

Delegasi MAIPk turut melawat pelatih Kursus Pendawaian Elektrik Satu Fasa dengan Endorense (PW2) seramai sembilan orang. Kursus yang masih berbaki 12 bulan ini antara kursus berimpak tinggi dengan perbelanjaan dana zakat berjumlah RM405,720.00.

Harapan MAIPk semoga 12 orang pelatih yang ditaja ini berjaya menempa nama dalam industri sebagai pekerja mahir seterusnya memperkasa golongan asnaf supaya mereka berjaya keluar dari kepompong kemiskinan.

PROGRAM ZIARAH ASNAF



TAPAH, 17 Oktober 2024 - Program Ziarah Asnaf diketuai oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Wan Maizura binti Wan Zahari, Anggota MAIPk, Muhammad Puahz bin Saleh, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Rohizan bin Haji Omar, Pengurus Besar Bahagian Perhubungan Korporat, Munawir bin Mohamed Noh dan Penghulu Besar Negeri Perak, Dr. Mohd Sani bin Kamaruddin. Program menziarahi dan menyantuni lima keluarga asnaf seterusnya menyampaikan bantuan yang diperlukan.

Program Ziarah Asnaf merupakan inisiatif MAIPk bagi memastikan kumpulan asnaf yang berhak menerima zakat dibantu sebaiknya dan kehidupan mereka dipantau setelah menerima bantuan. Turut hadir pada program tersebut Pegawai Baitulmal Daerah Tapah, Johar bin Zainal Abidin dan petugas zakat di ibu pejabat dan daerah.



KUALA KANGSAR, 28 Oktober 2024 - MAIPk Daerah Kuala Kangsar menziarahi dan menyantuni tiga keluarga asnaf seterusnya menyampaikan bantuan modal berjumlah RM32,290 yang disampaikan oleh Orang Besar Jajahan Kuala Kangsar, YDH Toh Maharaja Indera Dr. Khairil Anuar bin Arshad diiringi Pegawai Baitulmal Daerah Kuala Kangsar, Ahmad Fadzil bin Mustaffa.

Antara bantuan yang diagihkan ialah mesin rumput Mitsubishi TB43CC, mesin Chainsaw MS382 (72CC), Steel Power STP20L (Turbo), Suzuki Outboard 15HP, Fiber Boat 14 kaki dan set pukat.



PROGRAM PEMERKASAAN EKONOMI ASNAF (PROPER A) BANTU JANA PENDAPATAN

KURSUS KULINARI DAN PASTRI

IPOH, 11 Oktober 2024 - MAIPk mengadakan Majlis Penyerahan Peralatan kepada 30 peserta Kursus Kulinari dan Pastri PROPER A 2024 di Sunway Hotel. Majlis disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPk, Wan Maizura binti Wan Zahari menyerahkan pembekalan peralatan kulinari dan pastri dengan jumlah keseluruhan RM297,900.00. Bagi kursus kuliner dan pastri ini, Hasarinawati binti Abdul Wahab, iaitu Ikon Asnaf Negeri Perak sempena Sambutan Maal Hijrah 1445 merupakan penyedia latihan yang dilantik dan bertanggungjawab membimbing peserta kursus.



KURSUS URUTAN DAN REFLEKSologi



IPOH, 21 Oktober 2024 - MAIPk mengadakan Majlis Penyerahan Peralatan kepada 30 peserta Kursus Urutan dan Refleksologi Lelaki & Wanita PROPER A 2024 di Hotel Excelsior. Majlis disempurnakan oleh Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Rohizan bin Haji Omar menyerahkan pembekalan peralatan urutan dan refleksologi dengan jumlah keseluruhan RM296,700.00. Tajaan merangkumi latihan keusahawanan secara percuma, bimbingan dan pemantauan secara berkala selama enam bulan.



LAWATAN BELAJAR ANAK-ANAK ORANG ASLI ISLAM



IPOH, 19-20 November 2024 - MAIPk telah menganjurkan Program Lawatan Sambil Belajar Pelajar Orang Asli dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri dan Jabatan Kemajuan Orang Asli melibatkan pelajar Orang Asli beragama Islam berumur 13 hingga 15 tahun daripada SMK Bawong, SMK Sri Tapah dan SMAROA Al-Hidayah, Kg. Kenang. Tiga lokasi menjadi pilihan lawatan iaitu di Kolej Vokasional (Pertanian) Teluk Intan, Petro-Sains dan Aquaria KLCC. Lawatan seperti ini bukan sahaja memberi pengalaman baharu kepada pelajar Orang Asli malah memberikan nilai tambah dan pengetahuan kepada mereka menerusi program yang diaturkan.



PROGRAM PEMANTAUAN PEMBEKALAN MAKANAN BERKHASIAT ANAK-ANAK RUMAH BACA ROYAL BELUM

GERIK, 26 November 2024 - MAIPk dengan kerjasama Perbadanan Taman Negeri Perak (PTNPk) mengadakan ziarah pedalaman dan meninjau program pembekalan makanan berkhasiat kepada 68 anak-anak dalam Program Rumah Baca di Kg. Bongor, Kg. Tan Hain dan Kg. Hibul di Royal Belum. MAIPk menyediakan bantuan bekalan makanan ready-to-eat meal sebagai pendedahan kepada komuniti anak Orang Asli untuk mendapat makanan bernutrisi, seimbang dan berkualiti. Program ini juga sebagai dorongan kepada anak-anak Orang Asli suku Jahai di sana dan hadir ke Rumah Baca bagi mendapatkan pendidikan awal sebelum ke alam persekolahan. Program dianjurkan oleh Bahagian Agihan Zakat melalui Unit Pemerksaan Pendidikan Asnaf ini turut disertai oleh Unit Perhubungan Korporat, Pejabat MAIPk Daerah Gerik serta wakil pihak PTNPk.



SKIM LATIHAN KEMAHIRAN ASNAGF

KURSUS AUTOMASI INDUSTRI

KULIM, 7 Oktober 2024 - Sejumlah 25 orang pelatih daripada kalangan belia asnaf ini telah dipilih untuk mengikuti kursus automasi industri di Kulim Advance Technologies Sdn. Bhd. dengan perbelanjaan berjumlah RM300,000.00 selama tiga bulan. Delegasi MAIPk diketuai oleh Pengurus Bahagian Agihan Zakat, Amirudin bin Osman telah menyampaikan taklimat ringkas dan kata-kata motivasi kepada para pelatih sebelum sesi menandatanganiaku janji.



KURSUS KULINARI

IPOH, 18 Oktober 2024 - 24 orang pelatih mengikuti kursus kulinari di Haaza Centre of Excellence selama sembilan bulan dengan perbelanjaan berjumlah RM500,000.00. Kunjungan MAIPk diketuai oleh Pengurus Bahagian Agihan Zakat, Amirudin bin Osman telah menyuntik kata-kata semangat kepada para pelatih sebelum sesi taklimat dan tandatanganaku janji diberikan.



SKIM LATIHAN KEMAHIRAN ASNAF

KURSUS PENDAWAIAN ELEKTRIK SATU FASA (PW2) DAN KURSUS PENDAWAIAN ELEKTRIK TIGA FASA (PW4)



LUMUT, 12 November 2024 - MAIPk menaja seramai 20 orang pelatih Kursus Pendawaian Elektrik Satu Fasa (PW2) & Kursus Pendawaian Elektrik Tiga Fasa (PW4) berjumlah RM78,600.00 selama enam bulan di Institut Kemahiran MARA Lumut (IKML). Sesi penyampaian surat tawaran dan taklimat ringkas akan janji telah disampaikan oleh Penolong Pengurus Bahagian Agihan Zakat, Fairuz bin Zahri semasa sesi perjumpaan bersama pelatih terpilih.



KURSUS LATIHAN KEMAHIRAN AUTOMOTIF

KAMPAR, 22 November 2024 - MAIPk mengagihkan wang zakat berjumlah RM484,610.00 bagi menaja 23 orang anak asnaf yang berumur 18 hingga 30 tahun mengikuti Kursus Pembaikan Kenderaan Ringan dalam bidang automotif di Kolej Teknikal Sri Ayu. MAIPk menaja penuh yuran pengajian dan eluan saraan diri sebanyak RM600 sebulan.



MAIPk ANJUR KURSUS PENSIJILAN HALAL UNTUK USAHAWAN ASNAF

IPOH, 19-20 November 2024 - MAIPk sekali lagi mengambil inisiatif bagi tujuan pengembangan dan kebolehpasaran produk usahawan asnaf dengan menganjurkan Kursus Pensijilan Halal. Kursus bertempat di Digital Perak Hub Inovasi dan Multimedia disertai oleh 30 usahawan di bawah bimbingan MAIPk. Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan ilmu buat peserta dalam mengetahui kaedah dan cara serta perkara yang bersangkutan bagi menghasilkan produk yang menepati pengiktirafan halal.



KERJASAMA MAIPk-SIRIM BERHAD BAKAL MENGHASILKAN NILAI TAMBAH KEBOLEHPASARAN PRODUK USAHAWAN ASNAF

IPOH, 22 November 2024 - MAIPk dan SIRIM bekerjasama menganjurkan program meningkatkan kualiti dan kebolehpasaran produk asnaf melalui Program Tanggungjawab Sosial Korporat SIRIM Bersama Usahawan Asnaf. Tujuan utama program ini dilaksanakan untuk menambahbaik produk asnaf supaya ianya menepati kualiti pasaran luar terutamanya bagi tujuan pasaran luar negara.



PROGRAM MELESTARIKAN ZAKAT DAN PENCUKAIAN DALAM EKONOMI KOPERASI



KUALA KANGSAR, 28 November 2024 - MAIPk dengan kerjasama Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) telah menganjurkan Program Melestarikan Zakat dan Pencukaian Dalam Ekonomi Koperasi melibatkan hampir 40 orang ahli-ahli koperasi di bawah seliaan ANGKASA. Kerjasama ini bertujuan memberi kesedaran kepada koperasi seliaan ANGKASA mengenai usaha yang dilaksanakan oleh MAIPk dalam menyalurkan bantuan zakat secara efektif disamping meningkatkan pemahaman tentang kepentingan berzakat serta manfaat zakat kepada asnaf yang memerlukan bantuan.

200 USAHAWAN SERTAI PROGRAM DROPSHIP & AGENT ANJURAN MAIPK - INSKEN



IPOH, 2 Disember 2024 - MAIPk dengan kerjasama Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) telah menganjurkan Program Dropship & Agent melibatkan penyertaan 200 usahawan PROPER A. Program bertujuan membuka peluang kepada semua golongan masyarakat yang ingin meleburkan diri ke dalam keusahawanan dengan menjadi 'dropship' kepada pemilik perniagaan sedia ada di Malaysia. Program perasmian penutup telah disempurnakan oleh Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Rohizan bin Haji Omar.



PROGRAM DAN AKTIVITI MAL DAN WAKAF *

18 Disember 2024 - Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mal dan Wakaf (BPPMW) dengan kerjasama pejabat MAIPk Daerah Muallim telah mengadakan mesyuarat khas di Bilik Mesyuarat Pejabat Agama Islam Daerah Slim River dan sesi lawatan ke tapak tanah wakaf milik MAIPk di daerah ini. Mesyuarat dipengerusikan oleh Pengurus Besar BPPMW, Suhaimi bin Yusoff. Turut hadir adalah Nabil Fikri, Pegawai Baitulmal Daerah Muallim, Solehah, wakil Pejabat Felcra Kawasan Seri Gala, Pengerusi Masjid Behrang 2020, Pengerusi Masjid Jamek Tg. Malim dan wakil AJK masjid.



19 Disember 2024 - Unit Sewaan BPPMW mengadakan Ops Penyambungan Pajakan Tanah Wakaf Saraan bagi Masjid Jamek Pekan Tg. Piandang, Parit Buntar. Pihak MAIPk menyantuni 44 orang penghuni tapak tanah wakaf saraan. Hasil manfaat daripada kutipan pajakan tanah wakaf saraan kelak akan diagihkan semula kepada akaun masjid berkenaan untuk tujuan aktiviti pengimaranan dan menampung kos pengurusan masjid.



24 Disember 2024 - Pemantauan berkala harta wakaf diketuai oleh Pengurus Besar BPPMW, Suhaimi bin Yusoff dan dibantu oleh Pegawai Baitulmal Daerah Batu Gajah, Muhammad Zulzakwan dan Pegawai Baitulmal Daerah Kampar, Mohd Nazrul Hisham di sekitar Batu Gajah dan Kampar.



DULU TERIMA ZAKAT, KINI MAMPU BAYAR ZAKAT



IPOH, 30 Disember 2024 - Seramai 13 orang usahawan asnaf Program Pemerkasaan Ekonomi Asnaf (PROPER A) tahun 2023 dan 2024 telah menunaikan zakat perniagaan berjumlah RM11,750.00. Pengurus Besar SBU PZW, Ahmad Nazim bin Md Tajuri menerima zakat perniagaan daripada Syarikat Intan Food Enterprise, WF Foods Empires, Laksa Malam Enterprise, Hiera Livious Enterprise, Rossham Empire, Snaiez Success Enterprise, Wafa Danish Enterprise, Ziqzril Resources, Sahabat Tujuh Services, Ezrida Kitchen, Eyum Enterprise, Joehari bin Sapin dan Zuraiha binti Mohamad Arbi.

Turut hadir bersama Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat iaitu Rohizan bin Hj. Omar, Pengurus Bahagian Agihan Zakat, Amiruddin bin Osman dan Pengurus Bahagian Operasi Kutipan SBU PZW, Muhammad Faiz bin Zakaria. Semoga lahirnya lebih ramai asnaf yang dibantu oleh MAIPk berjaya menjadi pembayar zakat.



PROGRAM & AKTIVITI MAIPK



3 November 2024 - Pengurus Besar Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mal dan Wakaf, Suhaimi bin Yusoff mewakili MAIPk pada Majlis Peluncuran Kampung Angkat Madani Jabatan Audit Negara di Kampung Masjid Ijok, Selama.



6 November 2024 - Pengurus Besar Bahagian Perhubungan Korporat, Munawir bin Mohamed Noh menerima kunjungan hormat Ikatan Muslimin Malaysia Cawangan Perak di Kompleks Islam Darul Ridzuan.



11 November 2024 - Pengurus Bahagian Perhubungan Korporat, Muhammad Naquib bin Mohamad Tarmizi menyantuni dan mendengar aduan masyarakat pada Program Mesra Hari Bertemu Pelanggan Siri 8 Tahun 2024 di Dewan Bunga Raya, Changkat Jering, Taiping.

AKTIVITI MAIPk

7 November 2024 - Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPk, Wan Maizura binti Wan Zahari mengetuai kunjungan MAIPk ke Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Perak di Kuala Kangsar.



11 November 2024 - Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPk, Wan Maizura binti Wan Zahari mengetuai kunjungan MAIPk ke Institut Kraf Negara di Rawang, Selangor.



12 November 2024 - Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Syamsul Hazeman bin Md Salleh mengetuai bengkel penetapan petunjuk prestasi utama MAIPk bagi tahun 2025 di Hotel Saujana, Shah Alam.

AKTIVITI MAIPk

14 November 2024 - Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Syamsul Hazeman bin Md Salleh menyampaikan ucapan di Perhimpunan Bulanan MAIPk bil. 2 2024 di Dewan Al - Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan.



17 November 2024 - Pengurus Besar SBU PZW, Ahmad Nazim bin Md Tajuri merasmikan Program Larian Subuh Macam Jumaat anjuran Masjid Sultan Idris Shah, Ipoh dengan kerjasama MAIPk di perkarangan Masjid Sultan Idris Shah, Ipoh.

PROGRAM DAN AKTIVITI MAIPk



1 Disember 2024 - Pegawai Baitulmal Daerah Bagan Serai, Mohd Fazly bin Mohd Yusof turun padang menyantuni enam buah rumah yang dinaiki air bersama Skuad Prihatian Asnaf MAIPk di daerah Bagan Serai.



2-4 Disember 2024 - Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mal dan Wakaf MAIPk mengadakan Bengkel Retreat Penstrukturran melibatkan 58 orang pekhidmat MAIPk serta 9 orang pekhidmat daripada syarikat milik MAIPk, Perbadanan Ekonomi Islam Perak Sdn. Bhd. (PSB) di Port Dickson, Negeri Sembilan.



5 Disember 2024 - MAIPk menganjurkan Ceramah Kesedaran Integriti dan Kesalahan Rasuah Siri 2 yang disampaikan oleh Ketua Integriti dan Tadbir Urus Asia e University, Prof. Madya Dr. Haji Azmi bin Haji Mohd di Dewan Al -Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan.

PROGRAM DAN AKTIVITI MAIPK



11 Disember 2024 - Pengurus Besar SBU PZW, Ahmad Nazim bin Md Tajuri menerima zakat perniagaan daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) berjumlah RM37,615.00 di Kompleks Islam Darul Ridzuan.



15 Disember 2024 - Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, YAB. Dato' Seri Saarani bin Mohamad menyaksikan pihak MAIPK menerima serahan zakat perniagaan oleh Koperasi Pekebun Kecil Daerah Lenggong Berhad berjumlah RM10,000.00 di Dewan KEMAS Lenggong.



17 Disember 2024 - Pegawai Baitulmal Daerah Muallim, Nabil Fikri bin Mohamad menyampaikan maklumat berkaitan zakat dan wakaf dalam Program One Stop Centre (OSC) Sejahtera Sosial Negeri Perak yang diadakan di Institut Latihan Statistik Malaysia, Sungkai.

PROGRAM DAN AKTIVITI MAIPK



18 Disember 2024 - Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Shamsul Hazeman bin Md. Salleh menerima zakat perniagaan daripada SAS Plastic Industries berjumlah RM30,000.00 dan wakaf tunai berjumlah RM5,000.00 di Kompleks Islam Darul Ridzuan.



18 Disember 2024 - Pegawai Baitulmal Daerah Batu Gajah, Muhammad Zulzakwan menyerah sumbangan bencana kepada mangsa kebakaran di Batu 3, Kg. Air Mati, Batu Gajah.



30 Disember 2024 - Pengurus Besar SBU PZW, Ahmad Nazim bin Md Tajuri menerima zakat perniagaan daripada Koperasi Gabungan Pekebun Kecil Perak Berhad berjumlah RM10,000.00 di Kompleks Islam Darul Ridzuan.

KUNJUNGAN HORMAT PERBADANAN WAKAF SELANGOR

IPOH, 3 Oktober 2024 - Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPk, Wan Maizura binti Wan Zahari menerima kunjungan hormat daripada Perbadanan Wakaf Selangor yang diketuai oleh Pengerusi Perbadanan Wakaf Selangor, YBhg. Dato' Haji Ibrahim bin Haji Md. Yusof. Dalam kunjungan hormat ini, antara yang dibincangkan adalah perkongsian maklumat dan bertukar pandangan mengenai pengurusan mal dan wakaf.



KUNJUNGAN HORMAT PUSAT PUNGUTAN ZAKAT MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

IPOH, 21 Oktober 2024 - MAIPk menerima kunjungan hormat daripada Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang diketuai oleh Penolong Pengurus Besar R&D MAIWP, Khairulzhar bin Samsudin. Pertemuan ini bertujuan berkongsi maklumat dan bertukar pandangan mengenai pengurusan zakat dan wakaf. Selain itu, turut dikongsi program Kad Ta'awun MAIPk yang menjadi tumpuan utama dalam pertemuan hari ini.

Kunjung hormat disambut oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) MAIPk, Bakri bin Lee bersama Pengurus Besar, Single Business Unit Pusat Zakat Wakaf (SBU PPZW) MAIPk, Ahmad Nazim bin Md Tajuri, Pengurus Besar Bahagian Perhubungan Korporat MAIPk, Munawir bin Mohamed Noh dan pegawai-pegawai dari SBU PPZW.



KUNJUNGAN HORMAT

MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG



TAIPING, 23 Oktober 2024 - MAIPk menerima kunjungan hormat daripada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) yang diketuai oleh Pengurus Cawangan Daerah Kuantan, Mohd Khairuddin bin Husin. Kunjung hormat ini disambut oleh Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Rohizan bin Haji Omar, Pegawai Baitulmal Daerah Taiping, Ahamad Muzammil bin Arbain dan pegawai-pegawai dari MAIPk. Pertemuan ini bertujuan berkongsi maklumat dan bertukar pandangan mengenai pengurusan agihan zakat. Pihak MUIP turut turun padang menyantuni asnaf penerima bantuan bina rumah MAIPk.



KUNJUNGAN HORMAT

JABATAN PENJARA PERAK

IPOH, 8 November 2024 - MAIPk menerima kunjungan hormat dari Jabatan Penjara Perak yang diketuai oleh Pengarah Penjara Perak, TPK Mohd Yunos bin Mohd Salleh. Kunjung hormat disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Syamsul Hazeman bin Md Salleh.

Turut hadir Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk), Faiz bin Muhammad Fafaai, Penolong Pengarah, Unit Naziran JAIPk, Muhammad Noor bin Ahmad Zubir dan Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan JAIPk, Mohammad Fadhl bin Baharum. Semoga hasil perbincangan dan perkongsian dapat memberi manfaat kepada ummah.



KUNJUNGAN HORMAT KEMENTERIAN DALAM NEGERI

IPOH, 11 November 2024 - MAIPk menerima kunjungan hormat dari Kementerian Dalam Negeri yang diketuai oleh Setiausaha Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan, Kementerian Dalam Negeri, Tuan Nik Yusaimi bin Yussof. Kunjung hormat disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Syamsul Hazeman bin Md Salleh. Turut hadir Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak, Tuan Haji Zakaria bin Abd. Razak dan Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Mufti Negeri Perak, Hafiz bin Sulaiman.

Pertemuan ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan dan kerjasama strategik antara kedua-dua agensi berkaitan penguatkuasaan dan kawalan serta usaha-usaha yang boleh diambil untuk memastikan kesejahteraan masyarakat terus terpelihara.





PROGRAM AGIHAN ZAKAT PEMBANGUNAN SOSIAL

PENGURUSAN JENAZAH

Asnaf: Fakir, Miskin dan Muallaf



BENCANA

Asnaf: Fisabilillah



BINA RUMAH

Asnaf: Fakir, Miskin dan Muallaf



BAIKPULIH RUMAH

Asnaf: Fakir, Miskin dan Muallaf



PERUBATAN

Asnaf: Fakir, Miskin, Muallaf dan Fisabilillah



SEWA RUMAH

Asnaf: Fakir, Miskin dan Muallaf



HEMODIALYSIS

Asnaf: Fakir, Miskin

